

Program empowerNCER lonjak ekonomi B40

Berita Harian (Nasional) 25/9/23.

Taiping: Penyertaan individu dalam Program empowerNCER: Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (empowerNCER) anjuran Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), di daerah Larut, Matang dan Selama (LMS), di sini mampu meningkatkan sosioekonomi khususnya, golongan B40.

Peserta, Zarina Jauhari, 47, berkata penyertaan beliau ke program itu dengan mengikuti kursus penjagaan dan urutan ibu selepas bersalin, membuahkan hasil apabila pendapatan bulannya yang menawarkan perkhidmatan itu bersama empat ahli pasukan mampu mencecah RM15,000 sebulan.

Ibu dua anak itu berkata, berbekalkan pengalaman menawarkan perkhidmatan urutan secara tradisional, beliau menambah kemahiran dengan mengikuti program empowerNCER sejak 2020.

"Sepanjang 12 bulan mengikuti program, selain tambahan enam bulan tempoh pemantauan, banyak perkara diajar sama ada secara teori dan amali, termasuk penjagaan dalam pantang bagi ibu lepas bersalin," katanya.

Zarina berkongsi pengalaman itu ketika ditemui selepas dinobatkan sebagai Ikon Peserta Wanita Terbaik dalam Majlis Konvokesyen Program empowerNCER: Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (2021/2023) Daerah LMS



Seramai 200 peserta Program empowerNCER: Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (empowerNCER) yang dianjurkan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara di daerah Larut, Matang dan Selama.

(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

di Hotel Taiping Perdana, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua NCIA Wilayah Utara, Fauzan Ismail dan Ketua Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) Wilayah Utara dan Tengah, Zulkifli Othman serta Pegawai Daerah LMS, Mohd Nasrul Menhat.

Seramai 200 peserta daripada daerah LMS berjaya menamatkan latihan program itu yang dianjurkan hasil usahasama

antara NCIA dan Yayasan Petronas dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Advanced sebagai pelaksana.

Ikon Peserta Lelaki Terbaik, Atan Hashim, berkata penyertaannya mengikuti kursus pendawaian elektrik dan penghawa dingin kendalian empowerNCER memberikan manfaat apabila berupaya memperoleh pendapatan bulanan mencecah RM9,000 menerusi khidmat selenggara dan

pembaikan pendingin hawa.

Atan yang mengusahakan perniagaan itu dari rumah di Kampung Pak Darus, di sini, berkata biarpun sekadar menyelenggara dan membaiki pendingin hawa serta kerja pendawalan kecil, pelanggan lazimnya lebih dipercayai kebolehan individu yang mempunyai kelulusan diiktiraf bagi menjalankan kerja sedemikian.

"Walaupun hanya tiga bulan

mengikuti kursus empowerNCER sejak September tahun lalu, tidak termasuk enam bulan tempoh pemantauan, pendapatan saya terima berganda antara RM8,000 hingga RM9,000 sebulan berbanding sebelum ini, RM2,000 ke RM3,000 sebulan.

"Sijil yang saya peroleh menerusi kursus empowerNCER meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap kualiti kerja saya," katanya.

Sementara itu, Fauzan dalam ucapannya berkata, program empowerNCER yang bertujuan memperkasa golongan rentan termasuk komuniti daripada B40 di daerah LMS itu berhasil melahirkan seramai lima peserta yang berjaya keluar dari taraf pendapatan B40 kepada M40, selain seorang daripada B40 kepada T20.

"Secara purata jumlah pendapatan peserta empowerNCER bagi daerah LMS mencatatkan peningkatan sebanyak 614 peratus, dengan purata pendapatan peserta selepas mengikuti program dianggarkan RM2,681 setiap seorang.

"Pelonjakan peningkatan pendapatan serta taraf hidup keluarga turut berupaya menjadi penggerak ekonomi setempat dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada pihak selain peserta juga berpeluang mendapat manfaat lain," katanya.